

Inovasi Tunjang Kecemerlangan LHDNM

UMUM mengetahui hasil negara yang datangnya daripada hasil cukai langsung dan tidak langsung merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan negara dengan sumbangan lebih 50 peratus kepada perbelanjaan negara. Maka di sini peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) amat signifikan sebagai ejen kutipan cukai langsung negara. Kepentingan dan signifikansi cukai langsung kepada ekonomi negara amat besar kerana hasil cukai yang dikutip digunakan untuk menampung perbelanjaan negara dan dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk subsidi, fasiliti, pakej bantuan, dan sebagainya.

Sebagai contoh, belanjawan negara untuk tahun 2016 memperuntukkan RM215.2 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Di bawah peruntukan mengurus, RM70.5 bilion untuk emolumen, RM36.3 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan di bawah peruntukan pembangunan, manakala sektor ekonomi menerima agihan RM30.1 bilion. Peruntukan untuk sektor sosial merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan kesejahteraan masyarakat sebanyak RM13.1 bilion. Peruntukan yang besar itu merangkumi 50 peratus hasil negara yang datangnya daripada cukai pendapatan.

Sedar akan hakikat bahawa cukai langsung merupakan penyumbang terbesar perbelanjaan negara, LHDNM banyak memacu perubahan dan inovasi dalam pentadbiran cukai di Malaysia. Melalui inovasi yang direncanakan, LHDNM melakar transformasi dan mencatatkan kutipan cukai langsung tertinggi dalam sejarah negara, iaitu RM109.609 bilion pada tahun 2011, kutipan tersebut jauh mengatasi sasaran awal dengan

peningkatan kutipan hampir 27 peratus daripada tahun sebelumnya. Rekod kutipan tertinggi sebelum ini ialah RM90.65 bilion yang dicatatkan pada tahun 2008. Kutipan cukai LHDNM tidak pernah mengecewakan walaupun pernah mengalami kemerosotan kutipan pada tahun 2009 dan tahun 2010. Konsistensi LHDNM bagi mengekalkan kutipan cukai yang tinggi lahir daripada usaha keras warga kerjanya yang diterajui oleh pasukan pengurusan tertinggi yang bervisi. Sejak dilembagakan pada tahun 1996, banyak perubahan dan pembaharuan yang dilaksanakan demi memastikan kutipan cukai terus meningkat dan pada pada masa yang sama, mewujudkan situasi mesra dengan pembayar cukai.

LHDNM banyak melaksanakan perubahan berteraskan inovasi dalam sistem pentadbiran percukaian, terutamanya dari segi penggunaan teknologi maklumat bagi memacu peningkatan mutu

sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Antara inisiatif awal yang menjadi pemangkin kepada perubahan cara kerja LHDNM termasuklah pelaksanaan sistem INTACT (*Integration of Assessment and Collection System*). Sistem ini dibangunkan untuk mengintegrasikan sistem penaksiran, pungutan, cukai pegangan dan cukai keutungan harta tanah yang selama ini diproses secara berasingan.

Dengan pelaksanaan sistem ini, segala urusan percukaian yang dijalankan secara dalam talian, dan kemudiannya dinamakan semula sebagai Sistem Taksir Sendiri (STS). Selepas pelaksanaan STS, usaha inovasi diteruskan dengan menambahkan rangkaian perkhidmatan elektronik LHDNM, yakni pembayar cukai boleh mengakses e-Services di portal rasmi LHDNM (<http://www.hasil.gov.my>). Rangkaian perkhidmatan elektronik ini dinamakan semula sebagai ezHASIL dan antara inovasi elektronik yang menjadi penggerak utama (*prime mover*) kepada LHDNM ialah e-Filing.

Aplikasi e-Filing mula diperkenalkan selaras dengan pelaksanaan STS, iaitu untuk syarikat pada tahun 2001 dan bukan syarikat pada tahun 2004. E-Filing dibangunkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara dalam talian. Aplikasi ini

dikawal selia oleh ciri-ciri keselamatan berlandaskan Prasarana Kekunci Awam [*Public Key Infrastructure (PKI)*]. Perkhidmatan e-Filing ditambah baik dari semasa ke semasa. Sebagai contoh pada tahun 2016, LHDNM memperkenalkan kaedah set semula (*reset*) kata laluan e-Filing melalui nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan LHDNM. Menerusi inisiatif ini, pembayar cukai yang terluca kata laluan e-Filing boleh memohon Kod Pengaktifan Sementara (KPS) menggunakan nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan LHDNM.

Namun demikian, pada masa ini, kaedah permohonan KPS melalui sistem mesej singkat (SMS) hanya dapat dilakukan oleh pengguna talian MAXIS, DiGi dan U Mobile. Pengguna talian lain akan dapat menikmati kemudahan ini pada masa hadapan setelah LHDNM memuktamadkan beberapa urusan yang berkaitan. Inisiatif ini merupakan nilai tambah kepada pembayar cukai bagi memudahkan urusan percukaian mereka kerana sebelum ini pembayar cukai hanya dibenarkan memohon KPS menggunakan alamat e-mel yang berdaftar dengan LHDNM atau hadir sendiri di kaunter perkhidmatan pelanggan LHDNM. Dengan inisiatif penambahbaikan ini, urusan pembayar cukai untuk menghantar BNCP mereka adalah lebih mudah dan menjimatkan masa.

Prestasi penghantaran cukai melalui e-Filing juga meningkat saban tahun. Pada tahun 2014, 2 330 298 Borang BE dihantar melalui kaedah ini. Pada tahun 2012, aplikasi m-Filing pula dilancarkan bagi menambah nilai kepada kemudahan e-Filing sebelum ini. Aplikasi m-Filing merupakan kaedah pengemukakan BNCP (Borang BE) dengan menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Capaian kepada aplikasi ini boleh diakses melalui portal rasmi LHDNM dan pembayar cukai hanya memerlukan sambungan kepada internet dan peranti mudah alih, sama ada android, iPhone, Blackberry ataupun Windows. Melalui aplikasi ini, pembayar cukai boleh mengisi borang cukai mereka di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu.

Aplikasi e-Filing juga diperluas kepada ejen cukai, iaitu di mana aplikasi e-Filing ejen cukai

E-Filing
dibangunkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara dalam talian.

Kutipan cukai LHDNM tidak pernah mengecewakan walaupun pernah mengalami kemerosotan kutipan pada tahun 2009 dan tahun 2010.



(TAef) dibangunkan bagi membolehkan ejen cukai membuat pengisian dan penghantaran borang nyata cukai pendapatan pelanggan secara dalam talian. Secara tidak langsung, hal ini memudahkan ejen cukai dan pembayar cukai kerana borang cukai dapat dihantar dengan cepat dan selamat. Selain itu, sistem duti setem dalam talian juga dibangunkan bagi membolehkan proses penyetakan dibuat secara dalam talian.

STAMPS (*Stamp Assessment and Payment System*) merupakan sistem baharu yang dibangunkan sebagai penambahbaikan kepada Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH).

Seterusnya bagi memudahkan urusan majikan dan pembayar cukai yang ingin mendaftarkan nombor cukai pendapatan, sistem e-Daftar dibangunkan. Melalui e-Daftar, pembayar cukai individu, syarikat, dan majikan boleh mendaftar fail cukai pendapatan mereka secara dalam talian, sekali gus menjimatkan masa dan kos. Prestasi pendaftaran e-Daftar bagi tahun 2014 sangat memberangsangkan, iaitu 87 392 permohonan pendaftaran cukai berjaya diproses dengan menggunakan aplikasi tersebut. Di samping itu, sistem Surat Penyelesaian Cukai (e-SPC) dibangunkan bagi membolehkan permohonan

surat penyelesaian cukai dibuat oleh majikan secara elektronik.

Inovasi LHDNM untuk memudahkan urusan percukaian tidak terhenti setakat itu sahaja. Dalam usaha untuk membantu majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer bagi mengira Potongan Cukai Berjadual (PCB) dan menyemak maklumat PCB atau arahan tambahan potongan gaji (CP38), sistem e-PCB dibangunkan. Sistem e-PCB bertindak sebagai pemudah cara kepada majikan untuk menyimpan maklumat pekerja dan mengemukakan data bayaran PCB secara dalam talian kepada LHDNM.

Penggunaannya amat memberangsangkan, pada tahun 2014 sahaja, 46 895 majikan menggunakan aplikasi e-PCB. Menyedari bahawa PCB merupakan salah satu kaedah pembayaran cukai yang sangat penting, inovasi diteruskan dengan melancarkan e-Data PCB dan Kalkulator PCB. Aplikasi ini membantu majikan menyemak data PCB pekerja supaya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh LHDNM. Sejumlah 20 171 majikan menggunakan e-Data PCB pada tahun 2014.

Selain itu, sistem e-Kemas kini dibangunkan sebagai aplikasi yang memudahkan pembayar cukai individu untuk merekodkan dan mengemas kini maklumat penting, seperti butiran peribadi (alamat, e-mel, dan nombor telefon), dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2014, 14 831 pengguna menggunakan aplikasi ini. Aplikasi e-Lejar turut diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai menyemak butiran peribadi, transaksi lejar dan kedudukan terkini baki cukai. Pada penghujung 2014, sistem e-BNT C (Borang Nyata Terpinda Syarikat) juga diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri terhadap maklumat atau taksiran yang sudah dilaporkan sebelum ini secara dalam talian.

Tahun 2015 pula menyaksikan LHDNM mengorak langkah dalam penambahbaikan sistem perkhidmatan elektronik dengan memperkenalkan beberapa sistem. Antaranya, sistem e-Lodgement CKHT (Borang Cukai Keuntungan Harta Tanah). Aplikasi ini diperkenalkan bertujuan untuk memudahkan pelupus atau pemeroleh menghantar borang secara dalam talian, selain persediaan ke arah e-Filing CKHT dan persediaan kepada STS bagi CKHT. Inovasi seterusnya ialah e-Kemas Kini Syarikat yang dibangunkan bertujuan untuk membolehkan

pembayar cukai mengemas kini maklumat syarikat tanpa perlu berurusan di kaunter LHDNM.

Di samping itu, bagi memudahkan urusan pembayaran cukai pendapatan, LHDNM menambah satu lagi inovasi, iaitu pembayaran cukai melalui kad kredit dan kad debit dengan kerjasama Maybank. Melalui inisiatif ini, pembayar cukai kini boleh melunaskan tanggungan membayar cukai pendapatan dengan menggunakan kad kredit dan kad debit Visa, MasterCard dan American Express yang dikeluarkan secara sah oleh institusi perbankan di Malaysia menerusi portal khas dalam talian yang disediakan oleh LHDNM, iaitu <https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/>. Menerusi inisiatif ini juga, LHDNM menyasarkan peningkatan transaksi bayaran secara dalam talian meningkat 25 peratus berbanding dengan hanya 13.12 peratus daripada 7,53 juta transaksi bayaran cukai yang direkodkan pada tahun 2014.

Semasa pelancaran kempen Hasil4U (Hari Servis Istimewa LHDNM untuk Anda) bagi tahun 2016, LHDNM melancarkan beberapa produk perkhidmatan dalam talian, iaitu e-Lejar 2.0 dan pelaksanaan Baucar Bayaran Balik Cukai (BBBC), e-TF atau Perkhidmatan Pemfailan Borang untuk Pertubuhan secara Elektronik yang merupakan aplikasi e-Filing BNCP yang diperluas kepada pertubuhan yang berdaftar di Malaysia. Menerusi e-TF, segala urusan percukaian yang berkaitan dengan pertubuhan adalah lebih selamat, mudah, kiraan cukai yang tepat dan mempercepat proses bayaran balik cukai terlebih bayar.

Sementara itu, e-Lejar 2.0 pula akan menggantikan aplikasi e-Lejar versi lama dan mempunyai paparan antara muka yang lebih mesra pengguna dan memberikan nilai tambah kepada pembayar cukai untuk melihat transaksi percukaian mereka. BBBC pula diperkenalkan bagi menggantikan mod bayaran balik secara cek kepada pembayar cukai individu pada tahun 2016. Rasional sebalik pelaksanaan BBBC memandangkan kaedah ini lebih selamat melalui validasi biometric, sekali gus meminimumkan masalah penipuan cek. Namun demikian, mod bayaran menerusi baucar ini hanya melibatkan pembayar cukai individu yang tidak memberikan maklumat nombor akaun mereka pada borang cukai.

Selain itu, LHDNM sekali lagi berjaya memodenkan infrastruktur pembayaran cukai di

Malaysia melalui usaha sama strategik dengan Bank Islam melalui Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih-i-Tap atau ringkasnya i-TAP. i-TAP merupakan produk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Islam untuk pelanggannya bagi memastikan urusan perbankan dapat dijalankan dengan mudah dan semuanya di hujung jari.

Perkhidmatan tersebut tersedia kepada pembayar cukai yang mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa dengan Bank Islam. Melalui usaha sama ini, pelanggan Bank Islam kini boleh membayar cukai pendapatan mereka dengan menggunakan i-Tap. Walau bagaimanapun, perkhidmatan pembayaran cukai pendapatan melalui i-Tap tersebut hanya terhad kepada pembayaran cukai individu yang bekerja dan individu yang menjalankan perniagaan. Namun begitu, kategori pembayaran akan diperluas kepada kategori pembayar cukai yang lain dari semasa ke semasa.

Yang menariknya, inisiatif pembayaran cukai melalui perbankan telefon sebegini merupakan yang pertama kali diusahakan oleh pihak LHDNM melalui kerjasama strategik dengan pihak luar. Hal ini menunjukkan kesungguhan dan manifestasi LHDNM bagi menterjemahkan slogan "Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang kepada Pembangunan Negara" melalui visi baharu LHDNM.

Sememangnya LHDNM tidak pernah jemu untuk berusaha memacu pemodenan sistem percukaian langsung negara. Kini negara sedang menghadapi situasi yang sukar apabila hasil negara terkesan dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia dan harga komoditi. Maka inisiatif yang dijalankan oleh agensi kerajaan seperti yang dilaksanakan oleh LHDNM merupakan langkah positif yang perlu dijadikan teladan untuk memantapkan tadbir urus agensi awam.

Pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan awam tidak terhad kepada inovasi berteraskan teknologi semata-mata, bahkan mampu bergandingan dengan modal insan yang berperanan untuk memacu perubahan ke arah masa depan negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. ●

Sistem e-Kemas kini dibangunkan sebagai aplikasi yang memudahkan pembayar cukai individu untuk merekodkan dan mengemas kini maklumat penting.



Kini pembayar cukai di Malaysia boleh set semula kata laluan e-Filing menggunakan telefon bimbit.

Rasional sebalik pelaksanaan BBBC memandangkan kaedah ini lebih selamat melalui validasi biometric, sekali gus meminimumkan masalah penipuan cek.